

910/2

PERCUBAAN STPM 2010

BAHASA MALAYSIA**KERTAS 2****(Tiga Jam)****PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2010****ANJURAN BERSAMA****JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN****DAN****PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA****SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH****Arahan kepada calon:**

Jawab **satu** soalan daripada Bahagian A dan soalan dalam Bahagian B, **satu** soalan daripada Bahagian C dan soalan dalam Bahagian D.

Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk tiap-tiap jawapan.

Markah bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah

SULIT*

<http://edu.joshuatly.com/><http://exammy.com/>

Bahagian A

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan dengan berdasarkan **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.* [50]

- 1 Masalah pembuangan bayi yang berlaku akhir-akhir ini amat membimbangkan masyarakat. Salah satu puncanya ialah kepincangan keluarga. Sejauh manakah benar pernyataan ini?

- 2 Dunia pada hari ini semakin berubah corak dan bergerak pantas melalui komunikasi secara elektronik, seperti e-mel, blog, facebook, twitter, dan sistem pesanan ringkas (SMS). Bincangkan kesannya.

- 3 Kemajuan dalam bidang industri telah menjadikan Malaysia sebagai negara tumpuan pendatang asing tanpa izin untuk mencari rezeki. Walau bagaimanapun, masyarakat sering mendesak agar kebanjiran mereka dihadkan. Mengapakah kemasukan pendatang asing tanpa izin ini perlu dihadkan? Bincangkan.

- 4 Kemalangan maut semakin meningkat menjelang musim perayaan. Sebagai setiausaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), anda telah diminta untuk menyediakan laporan tentang punca-punca berfakunya kemalangan ini dan mengemukakan cadangan untuk mengatasinya. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Bahagian B

5 Fahami petikan di bawah ini, dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dengan menggunakan tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 170 hingga 180 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis pada akhir jawapan. [20]

Pelancongan begitu penting bagi ekonomi negara-negara ASEAN hingga menyebabkan setiap ahlinya begitu agresif dalam menjalankan promosi di negara masing-masing. Sebagai contoh, Thailand dan Singapura sudah pun dapat merasai kejayaan mereka itu kerana pelancongan kini merupakan sumber pendapatan utama bagi Thailand dan ketiga bagi Singapura. Industri pelancongan di Malaysia masih baru. Walaupun industri pelancongan telah tumbuh sejak pertengahan tahun 70-an lagi, penglibatan Malaysia secara serius hanya bermula pada tahun 80-an, iaitu apabila pendapatan eksport getah dan bijih timah merosot akibat kemelesetan ekonomi dunia. Berdasarkan alam semula jadi dan banyak lagi tarikan lain, industri pelancongan didapati mempunyai potensi besar dan mampu menjadi satu sumber ekonomi baharu yang menguntungkan.

Pelancongan merupakan penggerak utama tukaran wang asing. Melalui pelancong asing, sesebuah negara akan memperoleh kadar pulangan tukaran wang asing dengan mudah dan banyak. Setiap pelancong yang datang ke sesebuah negara yang dilawatinya akan membawa masuk wang asing dan berbelanja serta membayar kos penginapan selama mereka menetap di sesuatu destinasi. Apabila ramai pelancong yang datang, semakin banyaklah wang asing yang dibawa masuk ke negara tersebut. Biasanya, nilai mata wang asing ini lebih tinggi daripada mata wang Malaysia, contohnya mata wang yen dari Jepun, dollar dari Amerika, dan pounds sterling dari Britain. Hal ini akan lebih menguntungkan negara.

Di samping itu, pelancongan juga membuka banyak peluang pekerjaan. Pelancongan merupakan salah satu industri yang memerlukan ramai tenaga kerja. Negara-negara yang menghadapi masalah kekurangan pekerjaan mendapati industri pelancongan sebagai pembuka peluang pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dengan perkembangan industri pelancongan yang semakin pesat, industri ini akan meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

dan berpengalaman di peringkat pengurusan serta penyeliaan, dan golongan pekerja mahir, dan separa mahir. Berdasarkan perkembangan ini maka ketika ini lebih banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang menawarkan pelbagai program pengajian yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan dalam usaha menyediakan lebih banyak tenaga pekerja terlatih.

Dalam pada itu, kegiatan pelancongan yang aktif akan memudahkan kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di negara ini. Pelancongan bukan hanya bertujuan untuk menarik pelabur yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan seperti pengusaha hotel, taman tema, dan sebagainya, malah dapat menarik pelabur dalam bidang yang tiada kaitan dengan pelancongan. Penglibatan pelabur dari dalam dan luar negara akan mewujudkan lebih banyak hotel, taman tema, pusat beli belah, pusat kraf, dan sebagainya. Kesemuanya merupakan peluang perniagaan yang dapat direbut apabila ramai pelancong menggunakannya. Di samping itu, banyak lagi aktiviti serta peluang perniagaan dapat diwujudkan apabila ada pelancong di negara kita. Antaranya ialah perniagaan makanan, bunga-bunga, sayur-sayuran, pengangkutan, dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Di samping itu, pelancongan juga dapat menghapuskan penghalang sosial. Manusia di dunia ini disekat dengan sempadan politik. Dalam setiap negara pula, mereka dikumpulkan mengikut agama, bangsa, warisan etnik, dan sebagainya. Apabila ahli daripada satu-satu kumpulan ini mengunjungi kumpulan-kumpulan yang lain dalam konteks lawatan atau melancong, maka perpaduan akan wujud.

Oleh itu, jelaslah bahawa pelancongan merupakan industri yang sangat penting baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Peluang untuk membangunkan industri ini haruslah terus digalakkan melalui usaha promosi dan insentif lain. Usaha ini tidak harus dibebankan kepada kerajaan semata-mata. Semua pihak termasuk rakyat harus menjayakan industri ini kerana ia memberi pulangan yang sangat besar kepada pembangunan individu, keluarga, rakyat, dan negara.

(Disesuaikan daripada *Fokus*,
Dewan Siswa, April 2007)

Bahagian C

Jawab **satu** soalan sahaja.

6 *Alih bentuk bahasa di bawah ini kepada bentuk prosa moden.* [15]

Maka tersebut perkataan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa di dalam geliung panjang itu seorang diri. Awang Sulung Merah Muda tidak balik ke geliung. Maka duduklah ia dengan dukacita masygul hatinya lalu dipanggil Bujang Selamat Panjang Gombak serta ia bertanya, "Ayuhai, Pak Bongsu, engkau ke mana selama ini?"

Maka Bujang Selamat Panjang Gombak pun berfikir dalam hatinya, "Jikalau patik khabarkan sehabis-habisnya nescaya murkalah Tuan Puteri ini gerangnya". Setelah berfikir begitu, lalulah ia menyembah seraya berkata, "Tuan Awang Sulung Merah Muda bersemayam di darat asyik menyabung, bercatur, berjogar, siang dan malam".

Maka sabda Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, "Tidakkah ia berkahwin dengan Tuan Puteri Pinang Masak?" Maka tercenganglah Bujang Selamat Panjang Gombak seraya bertanya, "Bagaimana Tuanku mengetahui?"

Maka sabda Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, "Pada suatu hari beta memandang dengan teropong, kelihatan Awang Sulung duduk laki isteri di atas peterana; Awang Sulung sebelah kanan dan Puteri Pinang Masak sebelah kiri. Pergi engkau naik ke darat bertanya, adakah geliung ini dikenang lagi?"

Maka pada masa itu Tuan Puteri Dayang Seri Jawa membeli sabut nyiur, sekam padi pada tiap-tiap hari sehingga penuhlah geliung panjang itu serta diperbuat sebiji peti besi.

Maka berkatalah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, "Hai Bujang Selamat, inilah hajat beta memanggil engkau ke mari. Pada esok hari naiklah engkau ke darat. Apabila Awang Sulung asyik menyabung tunjukkan geliung panjang ini berasap seperti terbakar."

* geliung panjang = kapal panjang

* berjogar = berjudi

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

(Dipetik daripada *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*)

7 Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini kepada bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog kepada bentuk cakap pindah. [15]

"Maksud tuan hamba, sudah ada tanda-tanda perpecahan? Kata tidak sepakat? Tafsiran mula berselisih? Pendapat mula bercanggah?" tanya sang arnab.

"Ya, memang ada perbalahan pendapat. Tidak ada kata yang bulat. Persetujuan yang diberi pada hari ini cuma sementara. Kalau suku-sakat yang lain tidak yakin dengan latihan tuk kura, mereka akan menarik diri," kata sang tedung.

"Itu berita baik. Tuan hamba, itu berita gembira. Keretakan telah bermula. Biasa retak membawa belah. Titik memulakan tumpah. Mahukah tuan hamba menambah pendapatan dan menggandakan upah?" tanya bapa sang arnab.

"Maksud tuan hamba?" sang tedung pura-pura bertanya. Tetapi diam-diam otaknya telah dapat meneka.

"Menghasut, supaya tiada siapa di antara kura-kura yang terpilih itu mahu bertanding. Biar tuk kura tinggal sendirian dipulau oleh suku-sakatnya," kata bapa sang arnab.

Sang tedung tersenyum. Tekaannya tepat. Bapa sang arnab mahu ia menambah tugas. Dan ia yakin bertambah tugas bertambah upahnya.

"Hamba bimbang tuan hamba. Hamba bimbangkan sang gajah. Jika dipijaknya hamba, remuklah tulang hamba," kata sang tedung. Ia membayangkan tugas itu berat dan tinggi bahayanya.

(Dipetik daripada novel *Perlumbaan Kedua*,
Marwilis Publisher & Distributors)

Bahagian D

8 *Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.* [15]

Internet bagaikan pisau yang tajam. Pisau boleh mengukir sesuatu yang indah dan boleh membunuh. Pihak yang tidak bertanggungjawab telah berusaha menyalurkan maklumat baru yang berunsur pornografi, propaganda, ajaran sesat, dan sebagainya melalui internet. Adalah sukar untuk kita menghalang, menyaring, dan menyekat penggunaan dan pengaliran bahan negatif dari meresapi minda kita. Ini memang membimbangkan kita. Pemuda-pemudi kita mungkin terdedah kepada nilai yang bercanggah dengan nilai murni kita. Akibat daripada keadaan tersebut, keruntuhan sosial semakin meningkat. Internet menjajikan seks dan menyebabkan fitnah serta menjadi lebuhraya sampah dan jaringan lucah berkelas dunia.

BAHASA MALAYSIA

(KERTAS 2)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA STPM 2010

Anjuran Bersama

JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
DAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH

SKEMA PEMARKAHAN DAN JAWAPAN

PERINGATAN:

Skema pemarkahan dan skema jawapan ini adalah khas untuk kegunaan pemeriksa dan tidak boleh dikemukakan kepada pihak yang tidak berkenaan.

Skema ini terdiri daripada 27 halaman bercetak.

@ Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan PKPSM, KEDAH 2010

CADANGAN SKEMA PEMARKAHAN BAHASA MALAYSIA
PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM TAHUN 2010
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Pendahuluan

Penyusunan skema ini bertujuan menyediakan panduan am kepada pemeriksa untuk melaksanakan kerja pemeriksaan skrip jawapan calon. Matlamat utamanya adalah untuk menjadikan kerja pemeriksaan ini mudah, tekal, dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi serta mencapai satu taraf penyeragaman yang memuaskan dalam pemeriksaan .

BAHAGIAN A : KARANGAN [50 MARKAH]

1 Tujuan

Untuk menilai kebolehan calon dalam

- a) mengemukakan isi-isi yang relevan bagi tiap-tiap soalan karangan tepat dan sesuai.
- b) menghuraikan dan merumuskan hujah-hujah dengan matang, lancar, dan berkesan.
- c) menyusun isi mengikut urutan yang sesuai.
- d) menyampaikan isi dalam bentuk wacana yang utuh.
- e) menggunakan bahasa yang betul, persis, dan sesuai.

Karangan calon akan dinilai dari aspek

1. kerelevanan (R)
2. pengolahan (P)
3. kebahasaan (B)

a) KERELEVANAN (R)

(i) **Kandungan karangan**

- Pendahuluan
- Isi
- Kesimpulan

(ii) **Pendekatan**

- Karangan berformat
- Karangan tidak berformat

b) PENGOLAHAN (P)

Aspek pengolahan dinilai dari segi:

(i) **Kesepaduan karangan**

- jalinan idea dengan idea
- jalinan perenggan dengan perenggan
- jalinan ayat dengan ayat.

(ii) **Binaan karangan**

- Pendahuluan/Pengenalan
- Isi
- Penutup/Kesimpulan

c) **BAHASA (B)**

Aspek bahasa dinilai dari segi:

(i) **Diksi / Pemilihan kata**

- kata umum
- istilah
- peribahasa (idiom)

(ii) **Tatabahasa**

- Sintaksis
 - ayat
 - frasa
- Morfologi
 - imbuhan
 - gandaan
 - kata majmuk
- Fokus kepada kesalahan struktur ayat

(iii) **Aspek mekanis**

- ejaan
- tanda baca

2. Cara Pemberian Markah

Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan untuk menilai markah yang wajar diberikan kepada calon.

Pemberian markah untuk kerelevanan (R), Pengolahan (P), dan Bahasa (B) adalah seperti yang berikut:

(A) Kerelevanan (R) [21 markah]

Markah Kerelevanan (R) terbahagi kepada pendahuluan / pengenalan, isi, dan kesimpulan / penutup.

Pendahuluan (3 markah)

Tahap	Markah	Kriteria
Baik	3	Tepat dan jelas
Sederhana	2	Kurang tepat dan kurang jelas
Lemah	1	Tidak tepat / terlalu pendek / meleret-leret

Isi (15 markah) (5 isi x 3 markah)

Tahap	Markah	Kriteria
Baik	3	Isi tepat, huraian jelas, dan berfokus kepada isi utama
Sederhana	2	Isi masih tepat tetapi huraian kurang jelas dan kurang berfokus kepada isi utama.
Lemah	1	Isi dan huraian lemah

Penutup (3 markah)

Tahap	Markah	Kriteria
Baik	3	Baik dan meyakinkan
Sederhana	2	Kurang baik dan kurang meyakinkan
Lemah	1	Tidak meyakinkan, terlalu pendek

Catatan:

(a)

Markah maksimum bagi aspek kerelevanan ialah:

- (i) Pendahuluan = 3
- (ii) Isi = 15 (3 markah x 5 isi)
- (iii) Kesimpulan = 3

 Jumlah = 21

- (b) Jumlah isi yang diterima tidak dihadkan, tetapi markah maksimum isi ialah 15.
- (c) Cara menandakan markah

- (i) Markah hendaklah ditulis di tepi sebelah kanan setiap perenggan berakhir.
- (ii) Jika perenggan berkenaan tidak mengandungi isi dan huraian yang tidak relevan, tandakan TR di tepi perenggan itu.
- (iii) Jika perenggan berkenaan mengandungi isi dan huraian yang diulang, tandakan UL di tepi perenggan itu.

(B) Pengolahan [14 markah]

- Markah 'R' mempengaruhi markah 'P'

Pengolahan karangan yang baik bermaksud:

- Isi dan buah fikiran disampaikan dengan kemas dan teratur (koheren)
- Idea yang disampaikan memperlihatkan hubungan logik yang padu antara ayat dengan ayat dan antara perenggan dengan perenggan (koheren)
- Ayat-ayat yang dibina menunjukkan kekukuhan tautan dari segi leksikal dan nahuan (kohesi)

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	13 – 14	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kemas dan teratur • Memperlihatkan tautan yang kukuh • Pemerenggan yang baik
Baik	10 – 12	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih kemas dan masih teratur tetapi ada bahagian yang tidak memperlihatkan koheren. • Pemerenggan baik
Sederhana	7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih kemas tetapi aspek koheren kurang memuaskan • Pemerenggan masih baik.
Lemah	4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang kemas dan tidak teratur • Koheren dan kohesi tidak memuaskan • Pemerenggan kurang baik
Amat lemah	1 - 3	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan amat lemah • Tiada koheren dan kohesi • Pemerenggan lemah.

(C) Bahasa [15 Markah]

Markah bahasa dinilai dari aspek penggunaan diksi, morfologi, sintaksis, dan aspek mekanis.

Markah bahasa hendaklah dicampurkan dengan markah R dan P.

Taraf	Markah	Kriteria
Amat Baik	13 - 15	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang daripada 6 kesalahan sintaksis • Penggunaan bahasa lancar dan berkesan • Diksi tepat dan luas
Baik	10 - 12	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi 6 hingga 10 kesalahan sintaksis • Penggunaan bahasa secara keseluruhan masih lancar dan berkesan • Diksi masih tepat dan luas
Sederhana	7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi 11 hingga 15 kesalahan sintaksis • Penggunaan bahasa tidak lancar • Diksi tepat
Lemah	4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi 16 hingga 20 kesalahan sintaksis • Penggunaan bahasa tidak lancar dan tidak berkesan • Diksi ada yang tidak tepat dan terbabas.
Amat Lemah	1 - 3	<ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi lebih daripada 21 kesalahan sintaksis • Penggunaan bahasa amat lemah dan tidak lancar • Diksi banyak tidak tepat dan terbatas.

- Tulis jumlah markah pada akhir karangan
- Pemeriksa dikehendaki membuat bulatan pada jumlah markah keseluruhan yang diperolehi oleh calon
- Bagi karangan berformat, jika karangan calon tidak menepati format, tolak 1 hingga 5 markah daripada markah R
- Bagi karangan yang kurang daripada 650 patah perkataan pemeriksa hendaklah menolak markah keseluruhan seperti yang berikut :
 - Jumlah perkataan antara 550 – 649 : tolak 2 markah

<http://edu.joshuatly.com/>

- Jumlah perkataan antara 451 – 549 : tolak 4 markah
 - Jumlah perkataan kurang daripada 450: tolak 6 markah
- (e) Karangan hendaklah tidak melebihi 700 patah perkataan.
- Bagi karangan yang melebihi 700 patah perkataan pemeriksa hendaklah membuat satu garisan melintang bagi menunjukkan pemeriksaan dilakukan setakat itu sahaja. Bahagian yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
 - Bagi karangan yang keseluruhannya terpesong, markah maksimum yang boleh diberi hendaklah tidak melebihi 5 markah.

BAHAGIAN B - RUMUSAN [20 MARKAH]

Tujuan Pengujian

Menilai :

- (a) pemahaman calon terhadap isi petikan karangan.
- (b) Kebolehan calon mengenal pasti isi utama, isi sokongan (huraian dan hujah), dan kesimpulan petikan.
- (c) Kebolehan calon mengolah semula kandungan petikan dengan menggunakan bahasa sendiri secara berkesan tanpa mengubah maksud asal petikan. Calon sepatutnya menggunakan bahasa sendiri.

Penilaian rumusan merangkumi aspek yang berikut ;

- (a) **Isi (I)**
 - Isi utama (IU)
 - Isi sokongan (IS)
 - Kesimpulan (K)

- (b) **Persembahan (P)**
 - Pengolahan
 - Bahasa

1. Cara Pemberian Markah

Pemeriksa hendaklah membaca setiap rumusan untuk menilai markah yang wajar diberikan kepada calon.

(a) Isi [10 markah]

Pemberian markah untuk Isi (I) merangkumi aspek Isi Utama (IU) , Isi Sokongan (IS) , dan Kesimpulan (K) . Berikan markah seperti berikut.

<http://edu.joshuatly.com/>

Taraf	Markah	Kriteria
Amat Baik	9 – 10	IU Tepat dan lengkap IS Cukup (5 isi) tepat dan lengkap K Tepat dan lengkap
Baik	7 - 8	IU Tepat dan lengkap / IU kurang tepat dan kurang lengkap IS Cukup (4 / 5 isi) tepat dan lengkap / cukup dan lengkap K Kurang tepat dan kurang lengkap / tepat dan lengkap
Sederhana	5 – 6	IU Kurang tepat / salah tempat / kurang lengkap IS Kurang sedikit (3 isi) / IS Lemah 4 K Kurang tepat /salah tempat / kurang lengkap
Lemah	3 – 4	IU Samar / kurang lengkap / kurang tepat IS Tidak cukup (satu atau dua isi) K Kurang tepat / kurang lengkap / tiada
Amat Lemah	1 – 2	IU Salah / tiada IS Tidak cukup / tidak jelas / lemah / kabur / salah K Salah / tiada

Nota :

- Isi sokongan (IS)kurang lengkap juga ialah isi sokongan yang lemah.
- Dua (2) IS yang lemah dianggap sama nilai dengan satu (1) IS yang tepat dan lengkap.
- Rumusan hendaklah tidak melebihi tiga perenggan. Jika calon menulis lebih daripada tiga perenggan, **tolak 1 markah**.

(b) Persembahan (10 markah)

Pemberian markah untuk persembahan (P) merangkumi aspek tatabahasa , pengolahan (binaan, rentetan, jalinan), dan diksi (pilihan kata , ungkapan , idiom)

Taraf	Markah	Kriteria
Amat Baik	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> • Olahan rumusan kemas • Keberkesanan penyampaian terserlah • Tidak ada kesalahan tatabahasa yang serius
Baik	7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> • Olahan rumusan masih kemas

<http://edu.joshuatly.com/>

		<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian memuaskan • Tidak ada kesalahan tatabahasa yang serius
Sederhana	5 – 6	<ul style="list-style-type: none"> • Olahan rumusan agak baik • Penyampaian masih berkesan • Mengandungi sedikit kesalahan tatabahasa tetapi tidak begitu serius
Lemah	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> • Olahan rumusan kurang kemas • Penyampaian kurang berkesan • Mengandungi kesalahan tatabahasa yang serius
Amat Lemah	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> • Olahan rumusan tidak kemas • Penyampaian tidak berkesan • Mengandungi terlalu banyak kesalahan tatabahasa yang serius

Cara Pemeriksaan

- (a) Pemeriksa hendaklah menandakan IU, IS dan K seperti yang berikut.

Aspek	Singkatan	Maksud
IU	IUT	tepat dan lengkap
	IUL	kurang tepat / kurang lengkap
	IUST	Salah tempat
	IUX	Salah
IS	IS	Tepat dan lengkap
	ISL	Kurang tepat / kurang lengkap
K	KT	Tepat dan lengkap
	KL	Kurang tepat / kurang lengkap
	KST	Salah tempat
	KX	Salah

JUMLAH PERKATAAN

Rumusan hendaklah tidak melebihi jumlah perkataan yang telah ditetapkan dalam soalan. Bahagian rumusan yang selebihnya tidak perlu diperiksa. Pemeriksaan hendaklah membuat satu garis melintang bagi menunjukkan pemeriksaan dilakukan hingga setakat itu.

BAHAGIAN C : ALIH BENTUK TEKS [15 MARKAH]**1. Tujuan Pengujian**

- (a) Untuk menilai kebolehan calon mengalih suatu bentuk bahasa daripada pelagai bentuk teks kepada bentuk prosa bahasa Melayu moden dengan mengekalkan isi yang asal.
- (b) Kebolehan calon menggunakan bahasa yang betul dalam bentuk prosa bahasa Melayu moden.

Penilaian merangkumi aspek-aspek berikut :

1. Isi (I) 5 markah
2. Persembahan (P) 10 markah

2. Cara Pemberian Markah

Pemeriksa hendaklah membaca setiap jawapan alih bentuk teks untuk menentukan markah yang wajar diberikan kepada calon.

1. Isi (5 markah)

Taraf	Markah	Kriteria
Amat baik	5	Tepat, tiada isi / fakta terpesong atau tertinggal
Baik	4	Secara keseluruhan masih tepat, tetapi ada sedikit isi / fakta kurang tepat atau tertinggal
Sederhana	3	Secara keseluruhan masih baik tetapi sebahagian daripada isi terpesong atau fakta tertinggal
Lemah	2	Tidak tepat, banyak isi terpesong atau tertinggal
Amat Lemah	1	Secara keseluruhan isi tidak tepat / sipi / menyeleweng / tertinggal.

2. Persembahan (10 markah)

Taraf	Markah	Kriteria
Amat baik	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> • Jalinan kemas • Tidak ada kesalahan bahasa • Bentuk alih bahasa yang terhasil tepat
Baik	7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> • Jalinan kemas

		<ul style="list-style-type: none"> • Tidak ada kesalahan bahasa yang serius • Bentuk alih bahasa yang terhasil tepat
Sederhana	5 – 6	<ul style="list-style-type: none"> • Jalinan kurang kemas • Terdapat beberapa kesalahan bahasa tetapi tidak menjejaskan isi teks • Bentuk alih bahasa yang terhasil kurang sesuai / kurang tepat
Lemah	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> • Jalinan kurang kemas • Terdapat banyak kesalahan bahasa yang serius • Bentuk alih bahasa yang terhasil tidak tepat
Amat Lemah	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> • Jalinan tidak kemas • Terdapat banyak kesalahan bahasa yang serius sehingga merosakkan isi teks • Bentuk alih bahasa yang terhasil terpesong

Catatan :

Calon yang menyalin keseluruhan teks diberi sebanyak 1 markah.

Jawapan berbentuk ulasan / laporan / ringkasan diberi maksimum 2 markah.

BAHAGIAN D : ANALISIS KESALAHAN BAHASA [15 MARKAH]

1. Terdapat enam (6) kesalahan dalam petikan tersebut.
2. Bagi setiap kesalahan :
 - 2.1. pengesanan diberi satu (1) markah
 - 2.2. menyatakan sebab kesalahan diberi satu (1) markah
 - 2.3. membetulkan kesalahan diberi satu (1) markah
3. Pelajar dibolehkan menjawab dalam apa-apa bentuk asalkan mereka menjawab berdasarkan fakta pada perkara 2 iaitu 2.1, 2.2, dan 2.3.

TERHAD

**SKEMA JAWAPAN
BAHASA MALAYSIA
KERTAS 2**

'Hasil ujian esei bergantung kepada pemeriksa. Pemeriksa berlainan akan memberikan markah yang berlainan, malahan pemeriksa yang sama mungkin memberikan markah yang berlainan pada skrip jawapan yang sama pada masa yang berlainan. Ketidaktekalan seperti ini menjejaskan kebolehpercayaan ujian kerana skor ujian telah membayangkan prasangka dan pandangan pemeriksa'

**SKEMA JAWAPAN
KERTAS 2****Soalan 1**

Masalah pembuangan bayi yang berlaku akhir-akhir ini amat membimbangkan masyarakat. Salah satu puncanya ialah kepincangan keluarga. Sejauh manakah benar pernyataan ini?

Skema Jawapan:**Pendahuluan:**

- Konsep pembuangan bayi
- Pendapat tokoh
- Latar belakang
- Statistik
- Fokus soalan:
 - Kajian menunjukkan bahawa salah satu punca berlakunya keadaan ini ialah kepincangan keluarga
 - Namun demikian, terdapat punca-punca lain berlakunya masalah pembuangan bayi.

Catatan: Calon yang memilih nisbah 5:0, maklumat terakhir fokus soalan perlu disuaikan.

Isi Kepincangan Keluarga:

- IS 1: Kepincangan hubungan suami isteri
- IS 2: Kekurangan penghayatan pendidikan agama
- IS 3: Kesibukan dalam mengejar kerjaya / harta
- IS 4: Terlalu memanjakan anak
- IS 5: Mengamalkan gaya hidup moden

Isi Faktor-faktor Lain:

- IS 6: Mencari kebebasan dalam pergaulan. Budaya hedoisme / terlalu berhibur menjadi amalan
- IS 7: Pengaruh media massa dalam dunia hiburan dan penyiaran internet
- IS 8: Anak gadis yang terlibat/terlanjur tidak diterima oleh keluarga dan masyarakat

<http://edu.joshuatly.com/>

IS 9: Kempen yang dilaksanakan kurang mendapat kerjasama dan mementingkan publisiti daripada tanggungjawab sosial

Penutup / Kesimpulan:

- Pernyataan semula fokus soalan
- Pernyataan semula semua isi secara ringkas
- Harapan:
 - Pelbagai cara / tindakan yang dilakukan mesti mendapat sokongan padu daripada masyarakat
 - Maruah / identiti masyarakat yang dihormati dan berkualiti dapat diwujudkan

Catatan: Calon boleh memilih 1:4, 4:1, dan 5:0. Calon yang memilih 0:5, markah maksimum isi / relevan ialah 12 markah.

Catatan: Calon digalakkan untuk memasukkan item-item berikut dalam pengenalan, isi dan kesimpulan karangan untuk mendapatkan jawapan yang mantap.

- i) Pendapat tokoh
- ii) Contoh
- iii) Peribahasa
- iv) Harapan
- v) Statistik
- vi) Sejarah atau latar belakang

Soalan 2

Dunia pada hari ini semakin berubah corak dan bergerak pantas melalui komunikasi secara elektronik, seperti e-mel, blog, facebook, twitter, dan sistem pesanan ringkas (SMS). Bincangkan kesannya.

Skema Jawapan:**Pendahuluan:**

- Konsep komunikasi secara elektronik: komunikasi secara maya dan tanpa sempadan melalui peralatan ICT contohnya: e-mel, blog, facebook, twitter, sms dan sebagainya.
- Pendapat tokoh
- Latar belakang
- Statistik
- Fokus soalan:
Terdapat 3 pilihan jawapan yang boleh ditulis oleh calon:
 - kesan positif sahaja
 - kesan negatif sahaja
 - kesan positif dan kesan negatif

Isi-Isi:**Kesan positif:**

1. Maklumat dapat disampaikan secara cepat dan berkesan ke seluruh pelosok dunia. Contoh: menghantar surat, menempah tiket penerbangan, menghantar gambar, pembayaran bil secara talian terus (*'online'*), semakan keputusan peperiksaan dsb.
2. Dapat menjimatkan wang ringgit. Penggunaan internet lebih murah berbanding telefon talian tetap dan telefon bimbit.
3. Dapat berkomunikasi secara langsung dengan sahabat handai, saudara mara dan keluarga di mana-mana sahaja. Contoh: melalui facebook, skype
4. Menjana pendapatan. Contoh: menjalankan perniagaan melalui internet dan kita boleh menjalankannya di rumah atau di mana-mana sahaja.

<http://edu.joshuatly.com/>

5. Mengeratkan hubungan silaturrahim antara keluarga dan sahabat handai

Kesan negatif:

6. Menjadi saluran untuk menyebarkan fitnah dan memburukkan pihak-pihak tertentu. Contoh: blog dijadikan pentas untuk menfitnah/memburukkan pihak tertentu
7. Maklumat yang dihantar dan disimpan mungkin jatuh ke tangan musuh. Contoh: laman web, blog boleh dicerobohi/ digodam oleh pihak musuh
8. Maklumat tidak dapat dikawal. Contoh: penyebaran gambar, video, laman web lucah
9. Membuang masa khasnya pelajar kerana asyik melayari internet. Contoh: leka dengan facebook, twitter, chatting dsb. sehingga mengabaikan pelajaran / pekerja mengabaikan kerja.
10. Mendatangkan keburukan dari segi kesihatan. Contoh: sakit belakang, mengalami kerosakan penglihatan.

Penutup / Kesimpulan:

- Pernyataan semula fokus soalan
- Pernyataan semula semua isi secara ringkas
- Harapan

Catatan: Calon digalakkan untuk memasukkan item-item berikut dalam pengenalan, isi dan kesimpulan karangan untuk mendapatkan jawapan yang mantap.

- vii) Pendapat tokoh
- viii) Contoh
- ix) Peribahasa
- x) Harapan
- xi) Statistik
- xii) Sejarah atau latar belakang

Soalan 3

Kemajuan dalam bidang industri telah menjadikan Malaysia sebagai negara tumpuan pendatang asing tanpa izin untuk mencari rezeki. Walau bagaimanapun, masyarakat sering mendesak agar banjir mereka dihadkan. Mengapakah kemasukan pendatang asing tanpa izin ini perlu dihadkan? Bincangkan.

Skema jawapan:**Pendahuluan:**

- Konsep pendatang tanpa izin : Pendatang yang memasuki negara kita secara tidak sah atau tanpa permit yang sah.
- Pendapat tokoh
- Latar belakang : Pembangunan Malaysia telah menarik minat kemasukan pendatang asing tanpa izin
- Statistik
- Fokus soalan:
 - sebab-sebab kemasukan pendatang asing tanpa izin perlu dihadkan

Isi-isi:

- IS1: Meningkatnya kadar jenayah
- IS2: Wujudnya ancaman terhadap keselamatan negara
- IS3: Merebaknya penyakit-penyakit berbahaya
- IS4: Wujudnya masalah perumahan
- IS5: Hak rakyat akan terjejas
- IS6: Pengaliran keluar mata wang negara
- IS7: Bebanan kepada kerajaan

Penutup / Kesimpulan:

- Pernyataan semula fokus soalan
- Pernyataan semula semua isi secara ringkas
- Harapan

Catatan: Calon digalakkan untuk memasukkan item-item berikut dalam pengenalan, isi dan kesimpulan karangan untuk mendapatkan jawapan yang mantap.

<http://edu.joshuatly.com/>

- i. Pendapat tokoh
- ii. Contoh
- iii. Peribahasa
- iv. Harapan
- v. Statistik
- vi. Sejarah atau latar belakang

Soalan 4

Kemalangan maut semakin meningkat menjelang musim perayaan. Sebagai setiausaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), anda telah diminta untuk menyediakan laporan tentang punca-punca berlakunya kemalangan ini dan mengemukakan cadangan untuk mengatasinya. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Skema Jawapan:

Format jawapan mestilah dalam **bentuk laporan**.

Tajuk : Punca Kemalangan Maut Menjelang Musim Perayaan dan Cadangan untuk mengatasinya / PUNCA KEMALANGAN MAUT MENJELANG MUSIM PERAYAAN DAN CADANGAN UNTUK MENGATASINYA

1.0 Pendahuluan:

- Konsep kemalangan maut menjelang musim perayaan
- Latar belakang
- Pendapat tokoh
- Statistik
- Fokus soalan:
- Berikut ialah laporan tersebut. (Wajib sebagai ayat terakhir)

2.0 Senarai jawatankuasa:

Pengerusi:

Naib Pengerusi:

Setiausaha: (Nama S/U – pastikan sama dengan nama pelapor)

Bendahari:

Ahli jawatankuasa: 1.
(Maksimum 3 orang) 2.
3.

3.0 Punca-punca Kemalangan Maut

- 3.1 Sikap pemandu yang tidak merancang perjalanan, terburu-buru, tidak sabar, mengantuk, dan menunjuk-nunjuk.
- 3.2 Kenderaan tidak diselenggara sebelum memulakan perjalanan.

<http://edu.joshuatly.com/>

- 3.3 Bilangan kenderaan yang meningkat pada musim perayaan.
- 3.4 Pengusaha-pengusaha pengangkutan awam yang terlalu mementingkan keuntungan.

4.0 Cadangan untuk Mengatasinya

- 4.1 Memperketat penguasaan undang-undang dengan mengenakan kompaun yang tinggi bagi kesalahan lalu lintas yang dilakukan.
- 4.2 Memperbanyak pengeluaran permit bas sementara bagi menampung permintaan yang tinggi.
- 4.3 Media meningkatkan peranan dengan melaporkan maklumat terkini tentang perkembangan lalu lintas.
- 4.4 Meningkatkan pemantauan bagi menghalang kenderaan berat seperti lori kontena dan treler melalui jalan utama pada waktu puncak.
- 4.5 Pihak berwajib memastikan pengguna jalan raya mematuhi masa perjalanan yang ditetapkan.

5.0 Penutup / Kesimpulan:

- Penyataan semula fokus soalan
- Penyataan semula semua isi secara ringkas
- Harapan

Laporan disediakan oleh,

Tarikh:

t.t.

(NAMA :...(HURUF BESAR).....)

Jawatan:

Catatan:

- Calon yang tidak mengikut format **sepenuhnya**, 5 markah **ditolak** daripada markah Releven / Isi.
- Sekiranya tidak menepati format pada mana-mana bahagian:
 - Tajuk (tolak 1 markah)
 - Senarai AJK (tolak 1 markah)
 - Berikut ialah laporan (tolak 1 markah)
 - Pernomboran (tolak 1 markah)
 - Tandatangan / pelapor (tolak 1 markah)

Catatan: Calon digalakkan untuk memasukkan item-item berikut dalam pengenalan, isi dan kesimpulan karangan untuk mendapatkan jawapan yang mantap.

- i. Pendapat tokoh
- ii. Contoh
- iii. Peribahasa
- iv. Harapan

<http://edu.joshuatly.com/>

- v. Statistik
- vi. Sejarah atau latar belakang

Bahagian B

5 Fahami petikan di bawah ini, dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dengan menggunakan tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 170 hingga 180 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis pada akhir jawapan.

[20]

Pelancongan begitu penting bagi ekonomi negara-negara ASEAN hingga menyebabkan setiap ahlinya begitu agresif dalam menjalankan promosi di negara masing-masing. Sebagai contoh, Thailand dan Singapura sudah pun dapat merasai kejayaan mereka itu kerana pelancongan kini merupakan sumber pendapatan utama bagi Thailand dan ketiga bagi Singapura. Industri pelancongan di Malaysia masih baru. Walaupun industri pelancongan telah tumbuh sejak pertengahan tahun 70-an lagi, penglibatan Malaysia secara serius hanya bermula pada tahun 80-an, iaitu apabila pendapatan eksport getah dan bijih timah merosot akibat kemelesetan ekonomi dunia. Berdasarkan alam semula jadi dan banyak lagi tarikan lain, industri pelancongan didapati mempunyai potensi besar dan mampu menjadi satu sumber ekonomi baharu yang menguntungkan.

Pelancongan merupakan penggerak utama tukaran wang asing. Melalui pelancong asing, sesebuah negara akan memperoleh kadar pulangan tukaran wang asing dengan mudah dan banyak. Setiap pelancong yang datang ke sesebuah negara yang dilawatinya akan membawa masuk wang asing dan berbelanja serta membayar kos penginapan selama mereka menetap di sesuatu destinasi. Apabila ramai pelancong yang datang, semakin banyaklah wang asing yang dibawa masuk ke negara tersebut.

<http://edu.joshuatly.com/>

Biasanya, nilai mata wang asing ini lebih tinggi daripada mata wang Malaysia, contohnya mata wang yen dari Jepun, dollar dari Amerika, dan pounds sterling dari Britain. Hal ini akan lebih menguntungkan negara.

Di samping itu, pelancongan juga membuka banyak peluang pekerjaan. Pelancongan merupakan salah satu industri yang memerlukan ramai tenaga kerja. Negara-negara yang menghadapi masalah kekurangan pekerjaan mendapati industri pelancongan sebagai pembuka peluang pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dengan perkembangan industri pelancongan yang semakin pesat, industri ini akan meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman di peringkat pengurusan serta penyeliaan, dan golongan pekerja mahir, dan separa mahir. Berdasarkan perkembangan ini maka ketika ini lebih banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang menawarkan pelbagai program pengajian yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan dalam usaha menyediakan lebih banyak tenaga pekerja terlatih.

Dalam pada itu, kegiatan pelancongan yang aktif akan memudahkan kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di negara ini. Pelancongan bukan hanya bertujuan untuk menarik pelabur yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan seperti pengusaha hotel, taman tema, dan sebagainya, malah dapat menarik pelabur dalam bidang yang tiada kaitan dengan pelancongan. Penglibatan pelabur dari dalam dan luar negara akan mewujudkan lebih banyak hotel, taman tema, pusat beli belah, pusat kraf, dan sebagainya. Kesemuanya merupakan peluang perniagaan yang dapat direbut apabila ramai pelancong menggunakannya. Di samping itu, banyak lagi aktiviti serta peluang perniagaan dapat diwujudkan apabila ada pelancong di negara kita. Antaranya ialah perniagaan makanan, bunga-bunga, sayur-sayuran, pengangkutan, dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Di samping itu, pelancongan juga dapat menghapuskan penghalang sosial. Manusia di dunia ini disekat dengan sempadan politik. Dalam setiap negara pula, mereka dikumpulkan mengikut agama, bangsa, warisan etnik, dan sebagainya. Apabila ahli daripada satu-satu kumpulan ini mengunjungi kumpulan-kumpulan yang lain dalam konteks lawatan atau melancong, maka perpaduan akan wujud.

Oleh itu, jelaslah bahawa pelancongan merupakan industri yang sangat penting baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Peluang untuk membangunkan industri ini haruslah terus digalakkan melalui usaha promosi dan insentif lain. Usaha ini

<http://edu.joshuatly.com/>

tidak harus dibebankan kepada kerajaan semata-mata. Semua pihak termasuk rakyat harus menjayakan industri ini kerana ia memberi pulangan yang sangat besar kepada pembangunan individu, keluarga, rakyat, dan negara.

(Disesuaikan daripada *Fokus*,
Dewan Siswa, April 2007)

SKEMA JAWAPAN RUMUSAN

Idea Utama:

- Pelancongan begitu penting sekali bagi ekonomi negara-negara ASEAN
- Industri pelancongan di Malaysia pula masih baru
- Penglibatan seriusnya hanya bermula pada tahun 80-an
- Industri pelancongan mempunyai potensi besar dan mampu menjadi sumber ekonomi baru yang menguntungkan
- Berdasarkan alam semula jadi
- Banyak lagi tarikan lain

Isi Sokongan:

IS1:

- Pelancongan merupakan penggerak utama tukaran wang asing
- Melalui perbelanjaan serta pembayaran kos penginapan.
- Nilai mata wang asing yang lebih tinggi akan menguntungkan negara kita.

IS2:

- Pelancongan juga membuka peluang pekerjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung
- Melibatkan pelbagai peringkat pekerjaan.

IS3:

- Pada masa ini, lebih banyak Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang menawarkan pelbagai program yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan
- Dalam usaha menyediakan lebih banyak tenaga terlatih.

IS4:

<http://edu.joshuatly.com/>

- Kegiatan pelancongan yang aktif akan memudahkan kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing sama ada yang berkaitan dengan pelancongan atau bukan pelancongan.
- Dalam bidang yang tiada kaitan dengan perlancongan, peluang perniagaan dapat direbut.
- Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan pendapatan penduduk.

IS5:

- Perlancongan juga dapat menghapuskan penghalang sosial yang disekat dengan sempadan politik.
- Apabila ahli dari satu-satu kumpulan mengunjungi kumpulan-kumpulan lain dalam konteks lawatan atau melancong, perpaduan akan wujud.

Penutup / Kesimpulan:

- Pelancongan merupakan industri yang sangat penting
- Peluang untuk membangunkan industri ini haruslah terus digalakkan.
- Semua pihak perlu menjayakan industri ini.
- Industri ini memberi pulangan yang sangat besar kepada pembangunan individu, keluarga, rakyat, dan negara.

Bahagian C

Jawab satu soalan sahaja.

6 *Alih bentuk bahasa di bawah ini kepada bentuk prosa moden.* [15]

Maka tersebut perkataan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa di dalam geliung panjang itu seorang diri. Awang Sulung Merah Muda tidak balik ke geliung. Maka duduklah ia dengan dukacita masyghul hatinya lalu dipanggil Bujang Selamat Panjang Gombak serta ia bertanya, "Ayuhai, Pak Bongsu, engkau ke mana selama ini?"

Maka Bujang Selamat Panjang Gombak pun berfikir dalam hatinya, "Jikalau patik khabarkan sehabis-habisnya nescaya murkalah Tuan Puteri ini gerangannya". Setelah berfikir begitu, lalulah ia menyembah seraya berkata, "Tuan Awang Sulung Merah Muda bersemayam di darat asyik menyabung, bercatur, berjogar, siang dan malam".

Maka sabda Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, "Tidakkah ia berkahwin dengan Tuan Puteri Pinang Masak?"

Maka tercenganglah Bujang Selamat Panjang Gombak seraya bertanya, "Bagaimana Tuanku mengetahui?"

Maka sabda Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, "Pada suatu hari beta memandang dengan teropong, kelihatan Awang Sulung duduk laki isteri di atas peterana; Awang Sulung sebelah kanan dan Puteri Pinang Masak sebelah kiri. Pergi engkau naik ke darat bertanya, adakah geliung ini dikenang lagi?"

<http://edu.joshuatly.com/>

Maka pada masa itu Tuan Puteri Dayang Seri Jawa membeli sabut nyiur, sekam padi pada tiap-tiap hari sehingga penuhlah geliung panjang itu serta diperbuat sebiji peti besi.

Maka berkatalah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, “Hai Bujang Selamat, inilah hajat beta memanggil engkau ke mari. Pada esok hari naiklah engkau ke darat. Apabila Awang Sulung asyik menyabung tunjukkan geliung panjang ini berasap seperti terbakar.”

* geliung panjang = kapal panjang

* berjogar = berjudi

(Dipetik daripada *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*)

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN C

Skema Jawapan Soalan 6

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa berada dalam kapal panjang seorang diri. Awang Sulung Merah Muda belum balik ke kapal itu. Tuan Puteri berasa susah hati lalu memanggil Bujang Selamat Panjang Gombak dan menanyakan tempat suaminya pergi. Bujang Selamat Panjang Gombak berfikir dalam hatinya bahawa sekiranya dia memberitahu Tuan Puteri tentang perkara yang sebenarnya, sudah pasti Tuan Puteri akan murka. Setelah berfikir, dia memberitahu Tuan Puteri bahawa Awang Sulung Merah Muda berada di darat asyik menyabung, bermain catur dan berjudi siang dan malam.

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa ingin mengetahui / bertanyakan sama ada suaminya berkahwin dengan Tuan Puteri Pinang Masak atau tidak. Bujang Selamat Panjang Gombak tercengang. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa / Tuanku ingin mengetahui hal perkahwinan itu. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa menerangkan bahawa pada suatu hari baginda melihat melalui teropong dan ternampak Awang Sulung dan isterinya di atas petarana. Tuan Puteri Pinang Masak menitahkan bahawa Awang Sulung duduk di sebelah kanan dan Tuan Puteri Pinang Masak duduk di sebelah kiri. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa juga menitahkan Bujang Selamat supaya pergi menemui Awang Sulung Merah Muda dan bertanya sama ada baginda masih mengingatnya atau sebaliknya.

<http://edu.joshuatly.com/>

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa membeli sabut kelapa dan sekam padi pada setiap hari sehingga penuh kapal panjang itu. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa juga telah membuat sebuah peti besi. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa menitahkan Bujang Selamat supaya menunaikan hajatnya, iaitu pergi ke darat untuk berjumpa dengan Awang Sulung Merah Muda. Tuan Puteri Dayang Seri Jawa juga berpesan supaya Bujang Selamat Panjang Gombak menunjukkan kapal panjang yang berasap seakan-akan terbakar ketika Awang Sulung Merah Muda asyik berjudi pada keesokan harinya.

7 *Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini kepada bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog kepada bentuk cakap pindah.* [15]

“Maksud tuan hamba, sudah ada tanda-tanda perpecahan? Kata tidak sepakat? Tafsiran mula berselisih? Pendapat mula bercanggah?” tanya sang arnab.

“Ya, memang ada perbalahan pendapat. Tidak ada kata yang bulat. Persetujuan yang diberi pada hari ini cuma sementara. Kalau suku-sakat yang lain tidak yakin dengan latihan tuk kura, mereka akan menarik diri,” kata sang tedung.

“Itu berita baik. Tuan hamba, itu berita gembira. Keretakan telah bermula. Biasa retak membawa belah. Titik memulakan tumpah. Mahukah tuan hamba menambah pendapatan dan menggandakan upah?” tanya bapa sang arnab.

“Maksud tuan hamba?” sang tedung pura-pura bertanya. Tetapi diam-diam otaknya telah dapat meneka.

“Menghasut, supaya tiada siapa di antara kura-kura yang terpilih itu mahu bertanding. Biar tuk kura tinggal sendirian dipulau oleh suku-sakatnya,” kata bapa sang arnab.

<http://edu.joshuatly.com/>

Sang tedung tersenyum. Tekaannya tepat. Bapa sang arnab mahu ia menambah tugas. Dan ia yakin bertambah tugas bertambah upahnya.

“Hamba bimbang tuan hamba. Hamba bimbangkan sang gajah. Jika dipijaknya hamba, remuklah tulang hamba,” kata sang tedung. Ia membayangkan tugas itu berat dan tinggi bahayanya.

(Dipetik daripada novel *Perlumbaan Kedua*,
Marwilis Publisher & Distributors)

Skema Jawapan Soalan 7

Sang arnab meminta kepastian / ingin mengetahui / menanyakan / bertanyakan sama ada telah wujud tanda-tanda perpecahan, tidak ada kesepakatan, perselisihan faham atau percanggahan pendapat atau sebaliknya. Sang tedung menjelaskan bahawa memang telah wujud perbalahan pendapat dan tidak ada kata sepakat. Sang tedung juga menjelaskan bahawa persetujuan yang diberi pada hari itu hanya sementara sahaja. Sang tedung juga menyatakan bahawa sekiranya suku-sakat tuk kura tidak berpuas hati dengan latihan yang diberikannya, mereka akan menarik diri. Bapa arnab menganggap bahawa berita yang disampaikan oleh sang tedung itu berita baik dan menggembirakan. Bapa sang arnab juga menjelaskan bahawa keretakan telah bermula dan kebiasaannya retak akan membawa / mewujudkan perpecahan. Bapa sang arnab bertanyakan / menanyakan / ingin mengetahui sama ada sang tedung mahu atau tidak untuk menambah pendapatan dan mendapat upah yang berganda. Sang tedung pura-pura bertanya maksud sang arnab tetapi dalam diam-diam otaknya sudah dapat meneka maksud sang arnab itu. Bapa sang arnab meminta sang tedung untuk menghasut suku-sakat tuk kura supaya kura-kura yang terpilih tidak mahu bertanding. Bapa sang arnab berharap agar tuk kura bersendirian dan dipulaukan oleh suku-sakatnya. Sang tedung tersenyum. Tekaannya tepat. Bapa sang arnab mahu sang tedung menambah tugasnya dan dia yakin bahawa upahnya juga akan bertambah. Sang tedung menyatakan

kebimbangannya sekiranya sang gajah akan memijaknya. Sang tedung menambah jika hal ini berlaku, tulangnya pasti akan remuk. Sang tedung membayangkan tugasnya berat dan amat membahayakan.

Bahagian D

8 *Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.* [15]

Internet bagaikan pisau yang tajam. Pisau boleh mengukir sesuatu yang indah dan boleh membunuh. Pihak yang tidak bertanggungjawab telah berusaha menyalurkan_maklumat baru yang berunsur pornografi, propaganda, ajaran sesat, dan sebagainya melalui internet. Adalah sukar untuk kita menghalang, menyaring, dan menyekat penggunaan dan pengaliran bahan negatif dari meresapi minda kita. Ini memang membimbangkan kita. Pemuda-pemudi kita mungkin terdedah kepada nilai yang bercanggah dengan nilai murni kita. Akibat daripada keadaan tersebut, keruntuhan sosial semakin meningkat. Internet menjajakan seks dan menyebabkan fitnah serta menjadi lebu rayu sampah dan jaringan lucah berkelas dunia.

Skema Jawapan Soalan 8

Bil	Kesalahan	Sebab Kesalahan	Pembetulan
1	...berusaha menyalurkan...	Ayat ini tidak mempunyai kata hubung pancangan	...berusaha untuk menyalurkan...

<http://edu.joshuatly.com/>

		komplemen 'untuk'	
2	...baru...	Menggunakan perkataan 'baru' yang bermaksud waktu	...baharu...
3	...dari...	Kata sendi nama 'dari' hanya digunakan untuk menunjukkan arah, tempat dan masa	...daripada...
4	Ini memang membimbangkan kita.	Ayat tidak mempunyai subjek	Hal / Perkara / Keadaan ini memang membimbangkan kita.
5	Pemuda-pemudi...	Kesalahan penggunaan tanda sempang kepada kata majmuk	Pemuda pemudi...
6	Akibat daripada...	Lewah kerana terdapat unsur pertindanan / pertindihan / pengulangan makna.	Akibat...